

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM - BN]**

SOALAN NO.215

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan status persidangan, pencapaian dan apakah penambahbaikan yang akan dibuat ke atas Parlimen Belia.

36
SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 133 orang Perwakilan Parlimen Belia Malaysia telah dipilih bagi Tahun 2015/2016 dan 138 orang perwakilan bagi Tahun 2017/2018. Sebanyak enam (6) kali persidangan telah dilaksanakan pada Tahun 2015/2016 dan tiga (3) kali persidangan bagi tahun 2017/2018. Persidangan Parlimen Belia Sidang I Tahun 2017/2018 telah dilaksanakan pada 7 dan 8 Februari 2018. Sebanyak 4 usul telah dibahas dan diluluskan dalam persidangan tersebut.
2. Pelaksanaan Parlimen Belia Malaysia telah mencapai matlamat bagi melahirkan pemimpin di kalangan belia yang berumur di antara 18 sehingga 30 tahun. Sehingga kini, sebanyak 52 jumlah usul telah dibahas dan 51 usul diluluskan semasa persidangan tersebut antaranya usul berkaitan pemerkasaan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) kepada kanak-kanak seawal usia 7 tahun, memperkasa serta memartabat Sukan Elektronik (*e-sports*), usul berkaitan mengawal selia pengedaran, penjualan dan penghasilan rokok elektronik (*vape*), menambah baik sistem pengurusan kewangan dan dana politik, rundingan *Trans Pacific Partnership Agreement (TPPA)*, Penubuhan Dewan Belia ASEAN (*ASEAN Youth Assembly*) dan usul kuasa untuk menangkap dan mendakwa pesalah dadah diberikan kepada Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). Kesemua 51 usul ini telahpun dibentangkan pada Mesyuarat Jemaah Menteri dan

SULIT

beberapa langkah susulan telah dan sedang dijalankan bagi membincangkan pelaksanaan usul tersebut.

3. Perwakilan Parlimen Belia diberikan ruang dan pendedahan bagi mengikuti program-program pembangunan belia di bawah Kementerian seperti program kepimpinan organisasi dan keusahawanan serta program-program yang dikendalikan oleh lain-lain kementerian dan agensi. Selain itu, Perwakilan Parlimen Belia juga didedahkan dengan *engagement* bersama para belia di peringkat antarabangsa bagi memperkasa institusi belia di negara ini seperti Commonwealth Youth Parliament (CYP) dan International Young Leaders Assembly (IYLA) di Amerika Syarikat. Pihak Kementerian sentiasa berusaha bagi memperkasakan Parlimen Belia Malaysia dari pelbagai sudut dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Persidangan Parlimen Belia Sidang I Tahun 2018 telah dipancarkan secara *Live Streaming* melalui *Facebook*.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perwakilan Parlimen Belia ini semakin matang membahaskan isu-isu semasa Persidangan Parlimen Belia berlangsung serta proaktif melaksanakan *engagement* dengan pelbagai agensi serta kelompok belia bagi membincangkan isu-isu semasa yang berkaitan dengan pembangunan belia. Secara khususnya, pelaksanaan PBM telah menunjukkan impak positif kepada peserta dan pembangunan belia keseluruhannya iaitu dari aspek berikut:
 - a) Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kepimpinan di kalangan Ahli Parlimen Belia Malaysia terutamanya dari segi penyelidikan dalam penyediaan usul.

38

SULIT

- b) Menyerlahkan potensi, bakat dan kualiti kepimpinan di kalangan Ahli Parlimen Belia Malaysia dari segi perbincangan.
- c) Ahli Parlimen Belia Malaysia juga telah memahami proses penyediaan undang-undang serta memahami sistem pentadbiran negara.
- d) Belia di peringkat akar umbi juga mendapat manfaat apabila pandangan dan idea mereka dapat disalurkan kepada pihak Kerajaan melalui Persidangan Parlimen Belia Malaysia.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO.: 216

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]
SOALAN : 216

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah doktor pakar di hospital Kerajaan dan apakah pelan tindakan Kementerian dalam memperbanyakkan doktor pakar di hospital Kerajaan.

Tuan Yang di- Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha untuk meningkatkan bilangan Pegawai Perubatan Pakar supaya pada masa akan datang lebih banyak Pegawai Perubatan Pakar dapat ditempatkan di hospital-hospital berpakar Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sehingga 31 Januari 2018, pengisian Pegawai Perubatan Pakar di Kementerian Kesihatan Malaysia adalah sebanyak 99.3% iaitu seramai 4,843 orang daripada keseluruhan 4,879 jawatan Pegawai Perubatan Pakar.

40

Kementerian Kesihatan Malaysia telah melaksanakan beberapa inisiatif ke arah meningkatkan bilangan Pegawai Perubatan Pakar di seluruh negara iaitu:

- (i) Menggalakkan lebih ramai Pegawai Perubatan melanjutkan pengajian dalam program Sarjana Kepekaran melalui peningkatan slot tajaan Hadiah Latihan Persekutuan daripada 800 slot sehingga tahun 2014 kepada 1,000 slot mulai tahun 2015;
- (ii) Menggalakkan Pegawai Perubatan yang berminat untuk menjadi Pakar menjalani latihan kepekaran melalui program laluan paralel;
- (iii) Melantik semula Pegawai Perubatan Pakar yang telah tamat kontrak untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan;
- (iv) Melantik semula secara kontrak Pegawai Perubatan Pakar warganegara yang telah bersara wajib untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan;
- (v) Mendapatkan perkhidmatan kepekaran daripada pihak swasta untuk berkhidmat secara *sessional* (dengan izin);
- (vi) Menggalakkan Pakar Perubatan warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air